

01 SEP 1999

MAHATHIR-LEVI

TIADA YANG LUAR BIASA DI BSKL HARI INI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak melihat sesuatu yang luar biasa di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) hari ini.

"Saya lihat pasaran susut empat mata pada tengah hari dan 15 mata pada petangnya. Itu biasalah. Sebelum ini ada senario yang lebih teruk," katanya merujuk kepada Indeks Komposit BSKL yang susut ke paras serendah 262.7 mata pada 1 Sept tahun lepas.

Beliau berkata penyusutan hari ini adalah dijangka dan para pelabur boleh membawa keluar wang mereka jika mereka mahu.

Indeks Komposit BSKL hari ini ditutup 14.15 mata lebih rendah pada 752.91.

Sebelum ini, ramai penganalisis asing menjangkakan akan berlaku jualan besar-besaran saham di BSKL ekoran dari penarikan balik moratorium terhadap penghantaran pulang modal portfolio hari ini.

Sementara ada pelabur mahu menjual atau melupuskan saham-saham mereka, katanya, mereka yang melabur dalam saham-saham yang beroperasi di sini sekian lama seperti Rothmans, mungkin tidak mahu keluar.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan pameran Minggu Pembinaan Antarabangsa, beliau berkata kerajaan sebelum ini mengganggu aliran pengeluaran maksimum sebanyak AS\$3-AS\$4 bilion. Walaupun begitu, negara mempunyai rizab yang mencukupi bagi menanganinya.

Ini kerana dari 1 Sept hingga sekarang, katanya, rizab asing negara telah tumbuh lebih 60 peratus.

Tidak seperti negara-negara lain, katanya, Malaysia mengekalkan rizab asing sebanyak AS\$20 bilion dan kini ia telah meningkat kepada AS\$32 bilion yang boleh membiayai sehingga tujuh bulan import tertangguh, sementara seseorang itu hanya perlu membiayai antara dua dan tiga bulan.

Mengenai levi keluar sekarang, Dr Mahathir berkata struktur levi keluar yang ada sekarang akan dikekalkan.

Sambil berkata tidak akan ada perubahan terhadap levi keluar itu, beliau berkata: "Apa yang kita buat adalah memadai. Mereka boleh membawa keluar wang mereka... sekiranya mereka membayar."

Beliau menambah bahawa levi itu memadai pelabur asing boleh meraih wang hasil daripada keuntungan modal yang tidak dicukai.

"Apa yang kita dapat? (Dahulu) mereka (pelabur) membawa wang, membeli saham, kemudian mengaut keuntungan. Apabila saham meningkat, mereka menjual saham-saham ini dan mendapat keuntungan modal dan kita tidak dapat sesen pun," katanya. "Mereka datang ke negara kita. Mereka melabur, mendapat wang daripada pelaburan mereka dan membuat keuntungan modal. Mereka membawa keluar wang kita, apa yang kita dapat," tambahnya.

Levi keluar dikenakan pada 15 Feb lepas bagi membolehkan penghantaran pulang keuntungan modal dari pelaburan selepas dikenakan kawalan tukaran terpilih pada 1 Sept tahun lepas.

Ditanya sama ada pertumbuhan satu peratus yang diramalkan oleh kerajaan Malaysia, akan dikaji semula, Dr Mahathir berkata kerajaan harus meneliti pencapaian suku ketiga dahulu.

Beliau berkata sebarang semakan semula akan diumumkan semasa Belanjawan.

-- BERNAMA

SHO JR